

**AS-SALIHIN TRUSTEE BERHAD
PRODUK PERANCANGAN HARTA PUSAKA-DEKLARASI
HIBAH (PRI HIBAH)**

Tarikh:

[Tarikh hendaklah dilengkapkan oleh Staf Jualan]

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK (PDS)

Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Produk Perancangan Harta Pusaka-Pri-Hibah as-Salihin Trustee Berhad. Pastikan anda juga membaca terma-terma dan syarat-syarat produk ini. Dapatkan penerangan daripada kami sekiranya anda tidak memahami sebarang bahagian daripada dokumen ini atau terma umum berkaitan.

1. Apakah produk ini?

Produk ini adalah satu deklarasikan yang dibuat oleh pemilik asal kepada sesuatu aset yang menyatakan bahawa beliau memberikan aset tersebut kepada benefisiari dan beliau memegang aset tersebut untuk kepentingan benefisiari. Ia adalah dokumen bertulis yang mengandungi terma-terma dan syarat-syarat penghibah memegang aset tersebut.

2. Apakah Kontrak Syariah yang terpakai?

- i- Wakalah - satu kontrak agensi yang mana bank bertindak sebagai agen yang menawarkan produk Deklarasi Hibah.
- ii- Hibah - bermaksud pemberian iaitu pindahmilik aset tanpa memerlukan balasan daripada penerima kepada pemberi.
- iii- Amanah - as-Salihin akan bertindak sebagai pemegang amanah dan memegang serta memindahmilik aset hibah mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam surat ikatan amanah.

3. Apakah manfaat/faedah yang saya boleh perolehi daripada Deklarasi Hibah?

- i. Aset hibah tidak akan dikira sebagai harta Pusaka Setlor (kerana ia dilaksanakan segera mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam dokumen Deklarasi Hibah) dan ia terkeluar daripada pengagihan Hukum Faraid. Oleh itu, ia juga boleh mengimbangi pengagihan aset Setlor.
- ii. Pemilik aset boleh memastikan kepentingan benefisiari terjaga walaupun semasa ketidakupayaannya, bukan hanya apabila berlaku kematian kepadanya.

4. Berapakah kos membuat Deklarasi Hibah?

Bayaran minimum adalah sebanyak RM1,000.00 dan sebanyak RM250 dikenakan sebagai yuran proses.

5. Bolehkan Deklarasi Hibah digunakan untuk memberikan aset kepada ahli keluarga yang bukan Muslim atau bukan Waris Faraid?

Ya dan tiada sekatan .

6. Fi Pembatalan (pada peringkat draf)

RM250 akan dicaj sekiranya dokumen (draf) telah dikeluarkan.

7. Apakah terdapat risiko?

Terdapat kebarangkalian benefisiari tidak menyedari kewujudan Deklarasi Hibah dan benefisiari mentadbir aset Hibah tanpa merujuk dokumen Deklarasi Hibah yang telah dibuat.

8. Bolehkan saya membatalkan Deklarasi Hibah saya?

Deklarasi Hibah berkenaan pemberian daripada ibubapa atau datuknenek kepada anak-anak atau cucu-cicit boleh dibatalkan tetapi pemberian selain daripada itu tidak boleh dibatalkan tanpa persetujuan benefisiari.

9. Bolehkah aset yang masih berhutang dimasukkan dalam Deklarasi Hibah?

Deklarasi Hibah adalah untuk aset yang bebas hutang.

10. Di mana boleh saya dapatkan maklumat selanjutnya?

Sekiranya pihak anda mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan Deklarasi Hibah, sila hubungi:

Bank Muamalat Malaysia Berhad